

**POLITIK MELAYU DARIPADA PERSPEKTIF *WARTA*
NEGARA 1946**

NOORITA ABDUL HAMID

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

SESI 2005

Perpustakaan Universiti Malaya



A511898325

**POLITIK MELAYU DARIPADA PERSPEKTIF *WARTA*
NEGARA 1946**

NOORITA ABDUL HAMID

**DISERTASI BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA DALAM
BIDANG SEJARAH MALAYSIA (SECARA BERKHUSUS
DAN DISERTASI).**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2005**

BALADA PERJUANGAN

*Telah begitu jauh jalan ditempuh
Bermula dengan perjuangan dalam tahun 1946
Menentang angkara Inggeris yang bongkak dan angkuh
Menentang rancangan terkutuk Malayan Union*

*Bermula dalam suasana cemas dan bimbang
Meniti duri dan api
Menghadang ombak dan gelombang
Bersama semangat dan hati berani
Menebus maruah menuju cita gemilang
Berjuang terus berjuang*

*Bahawa rancangan terkutuk Malayan Union
mestilah ditentang hingga hancur lebur
dengan lidah dan suara
dengan keringat dan air mata
dengan darah dan jiwa raga
Berjuang terus berjuang*

*Maka muncullah seorang lelaki gagah
Bernama Onn bin Datuk Jaafar
Lidahnyanya perak, suaranya emas
Bergetar dan bergelora di rapat-rapat raksaksa
Maka bangkitlah satu bangsa menebus maruah
Dalam wadah organisasi bergelar UMNO atau
PEKEMBAR*

Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu

Lahir dalam gegap gempita laungan perjuangan

HIDUP MELAYU! HANCUR MALAYAN UNION!

HIDUP MELAYU!

Berkat perjuangan yang gigih dan gagah itu

Gagasan Malayan Union pun hancur dan berkubur

Sultan-sultan Melayu kembali berdaulat

Hak dan pusaka dikembalikan kepada yang punya

Perjuangan diteruskan

Dalam kesepakatan raja dan rakyat

Bersama gelora bendera berkibar

Bersama nyala semangat berkobar

Hidup Melayu, Hidup Melayu, Daulat Tunku

Dipetik dari; "Berlada Perjuangan," Firdaus Abdullah, *Mingguan Malaysia*, 11

Mei 2003.

DEDIKASI

Untuk insan-insan yang teristimewa...

Allahyarham abah, Abdul Hamid Khamis,

Ibu tersayang, Rafeah Yusof,

Abang, Zainon Abdul Hamid,

Kakak, Zalina Abdul Hamid,

Adik bongsuku, Norhidayatul Awal Abdul Hamid

Dan

Suamiku, Ahmad Dzia-Ul-Haq.

Budi dan pengorbanan kalian semoga Allah yang dapat membalasnya

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji Politik Melayu Daripada Perspektif *Warta Negara* pada tahun 1946. Dalam kajian ini dipaparkan pandangan-pandangan yang telah dicetuskan oleh *Warta Negara* mengenai penglibatan orang Melayu dalam politik pada tahun 1946. Tumpuan diberikan kepada rancangan Malayan Union 1946, Kongres Melayu Semalaya 1946 dan penubuhan UMNO. Ini memandangkan perkembangan-perkembangan tersebut adalah diantara peristiwa-peristiwa penting dan banyak mempengaruhi arus perkembangan politik Melayu.

Penulis memilih tajuk ini kerana tidak ada kajian yang menganalisis perspektif *Warta Negara* mengenai politik Melayu dalam tempoh tersebut. Kajian mengenai persuratkhabaran Melayu dapat memberi gambaran terhadap sosio-politik orang Melayu dan kajian seperti ini akan dapat membantu kita mengetahui keadaan politik pada masa itu. Kajian ini dimulakan dengan latar belakang persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu dan diikuti dengan kajian mengenai pandangan *Warta Negara* terhadap Malayan Union.

Bab-bab selanjutnya mengkaji Kongres Melayu Semalaya 1946 serta penubuhan UMNO dalam konteks politik orang Melayu daripada perspektif *Warta Negara*. Berdasarkan kajian ini jelas menunjukkan *Warta Negara* adalah akhbar yang paling lantang menyuarakan pandangan dan pendapatnya berkenaan politik Melayu pada tahun 1946 serta memberi sokongan yang kuat terhadap tindakan orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union.

ABSTRACT

The main purpose of this study is to examine Malay Politics 1946 From The Perspective Of *Warta Negara*, a local newspaper. The study will highlight the *Warta Negara*'s perspectives and observations about the involment of Malays in politics in 1946. Particular attention will be given to the 1946 Malayan Union plan, the Kongres Melayu SeMalaya of 1946 and the formation of UMNO in the same year. This is because these development are among the most important events the greatly influenced the pattern of Malay politics.

The writer has chosen this topic because at the moment there is no study which analyses *Warta Negara*'s perspective on Malay politcs in the period concerned. A study of Malay newspapers gives an insight into Malay socio-politics and a study of this nature will help us better understand the political condition of the period examined. The study begins with a narrative on the background of Malay newspapers in the Federation of Malaya and this is followed by an examination of *Warta Negara*'s perspective on the Malayan Union.

The following chapters then examine the Kongres Melayu Semalaya 1946 and the formation of UMNO in the context of Malay politics and from the perspective of *Warta Negara*. The study clearly shows that *Warta Negara* was one of the newspapers that voiced out its views on Malay politics in 1946 and also supported the effort of the Malays resisting in the Malayan Union plan.

KANDUNGAN

| | |
|---------------------|-----|
| Balada Perjuangan | i |
| Dedikasi | iii |
| Abstrak | iv |
| Singkatan Perkataan | ix |
| Penghargaan | x |
| Pengenalan | xii |

BAB 1

LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN

PERSURATKHABARAN MELAYU DI TANAH MELAYU

| | |
|--|----|
| Pendahuluan | 1 |
| Latar Belakang <i>Warta Negara</i> | 5 |
| Hubungan <i>Warta Negara</i> Dengan Akhbar Sezaman | 9 |
| Kesimpulan | 11 |

BAB 2

REAKSI ORANG MELAYU TERHADAP MALAYAN UNION

SEPERTI YANG DI GAMBARKAN OLEH *WARTA NEGARA*

| | |
|--|----|
| Pendahuluan | 13 |
| Rancangan Malayan Union | 13 |
| MacMichael Mendapatkan Tandatangan Sultan-sultan Melayu | 20 |
| Reaksi Orang Melayu Terhadap Malayan Union Menurut <i>Warta Negara</i> | 25 |
| Kesimpulan | 46 |

BAB 3

KONGRES MELAYU SEMALAYA 1946 SEBAGAI SATU

USAHA KEARAH PENYATUAN POLITIK MELAYU

| | |
|---|----|
| Pendahuluan | 48 |
| Cadangan Penubuhan Kongres Melayu Semalaya 1946 | 49 |
| Persidangan Kongres Melayu Semalaya Yang Pertama (1-4 Mac 1946) | 63 |
| Persidangan Kongres Melayu Kedua (30 –31 Mac 1946) | 72 |
| Persidangan Kongres Melayu Yang Ketiga (11-12 Mei 1946) | 78 |
| Kejayaan-kejayaan Kongres 1946 (Kongres Melayu Semalaya) | 80 |
| Kesimpulan | 86 |

BAB 4

PANDANGAN *WARTA NEGARA* TERHADAP UMNO SEBAGAI WARDAH PERJUANGAN POLITIK MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION 1946

| | |
|-------------------------------|-----|
| Latar Belakang Penubuhan UMNO | 87 |
| UMNO Dan Perpaduan Melayu | 94 |
| Kaum Wanita Dan Politik | 101 |
| Kesimpulan | 108 |

BAB LIMA

| | |
|-------------------|-----|
| KESIMPULAN | 110 |
|-------------------|-----|

| | |
|--------------------|-----|
| BIBLIOGRAFI | 118 |
|--------------------|-----|

LAMPIRAN

| | |
|----------------|-----|
| Lampiran 1 (a) | 128 |
| Lampiran 1(b) | 129 |
| Lampiran 2 | 130 |
| Lampiran 3 | 142 |
| Lampiran 4 | 143 |

SINGKATAN PERKATAAN

| | |
|----------|---|
| AWAS | Angkatan Wanita Sedar |
| BMA | British Military Administration |
| DKA | Darah Kacukan Arab |
| DKK | Darah Kacukan Keling |
| KMS | Kesatuan Melayu Singapura |
| PEKEMBAR | Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu |
| PKMM | Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| PMK | Persatuan Melayu Kedah |
| PMPP | Persatuan Melayu Pulau Pinang |
| PMS | Persatuan Melayu Selangor |
| PMSJ | Pergerakan Melayu Semenanjung Johor |
| PUK | Persatuan Ulama Kedah |
| SABERKAS | Sayang Akan Bangsa Ertinya Redza Korban Apa Segala |
| UMNO | United Malay National Organisation |
| UMO | United Malay Organisation |

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
PENYAYANG

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah dan rahmat-Nya akhirnya saya berjaya juga menyiapkan disertasi ini. Di kesempatan ini ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Joseph di atas segala bimbingan dan teguran yang diberikan sepanjang saya berada di bawah pengawasan beliau untuk menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan ini ditujukan buat semua pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya serta bekas pensyarah Jabatan Sejarah iaitu Prof. Dr. Adnan Hj Nawang yang banyak memberikan pandangan mengenai tajuk kajian ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan untuk para pengawai Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Dewan Bahasa Dan Pustaka serta Perpustakaan Negara Malaysia atas kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian untuk menyiapkan disertasi ini.

Khas untuk insan tersayang iaitu ibu, abang, kakak dan adik terima kasih diucapkan di atas segala pengorbanan dan kasih sayang yang telah dicurahkan sehingga saya berada di tahap ini. Untuk suamiku Ahmad Dzia, budimu terlalu lujur dan tak mampu dibalas. Semoga Allah membalas segala budi baikmu.

Buat sahabatku, Kak Tan Poh Choon, Abang Azman, Ghulam serta bekas rakan- rakan sekuliah semoga persahabatan yang terjalin akan berkekalan walau di manapun kita berada.

Kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam proses untuk menyiapkan disertasi ini, ribuan terima kasih diucapkan di atas apa jua bantuan dan pertolongan yang telah dihulurkan

Akhir kata semoga usaha dan kajian yang dilakukan ini akan mendapat keberkatanNya dan seterusnya mampu dimanfaatkan oleh insan lain di masa akan datang.

WASSALAM

NOORITA ABDUL HAMID,

19 PAYA TAKUNG,

PMTG. KERAT TELUNJUK,

34950 BANDAR BAHARU,

KEDAH

PENGENALAN

Warta Negara diterbitkan di Pulau Pinang iaitu sebuah negeri yang terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu. Ini kerana Pulau Pinang merupakan salah sebuah Negeri Selat serta pusat perdagangan dan petempatan yang maju di utara pada masa tersebut. Usaha untuk menerbitkan akhbar ini di Pulau Pinang tidak sia-sia kerana, *Warta Negara* telah menjadi akhbar yang popular di utara Tanah Melayu dan mendapat sambutan hebat di kalangan orang Melayu.

Sebelum *Warta Negara* diterbitkan telah ada beberapa akhbar berbahasa Melayu dan bertulisan Jawi telah muncul di sekitar abad ke-19 dan 20 di Tanah Melayu. Akhbar berbahasa Melayu yang pertama sekali diterbitkan di Tanah Melayu ialah *Jawi Peranakan* iaitu akhbar mingguan yang terbit pada setiap hari Isnin. Akhbar *Jawi Peranakan* telah diterbitkan pada tahun 1876 hingga 1895. Kemudian muncul pula beberapa akhbar lagi seperti *Warta Malaya*, *Bintang Timur* dan sebagainya. Tetapi hasil kajian terhadap isi kandungan akhbar Melayu Jawi, didapati bahawa ianya amat miskin dari segi isi kandungannya. Berapa peristiwa penting tidak ditulis atau diulas contohnya cara pentadbiran British di Tanah Melayu, dasar-dasar yang diamalkan oleh British di Tanah Jajahnya serta penentangan orang Melayu terhadap British. Ini disebabkan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pentadbiran British di Tanah Melayu seperti Ordinan Mesin Cetak.

Tajuk ini dipilih kerana tahun 1946 adalah antara tahun yang penting dalam sejarah perubahan politik orang Melayu. Ini kerana pada tahun ini jugalah Malayan Union diperkenalkan dan UMNO ditubuhkan. Di samping itu juga *Warta Negara* dipilih kerana terlalu sedikit kajian dibuat berkenaan akhbar ini berbanding akhbar sezamannya seperti *Warta Malaya*, *Utusan Melayu* dan *Majlis*.

Dalam kajian ini berkenaan tajuk “Politik Melayu Daripada Perspektif *Warta Negara* 1946” saya hanya akan menumpukan perhatian terhadap akhbar *Warta Negara* meliputi tahun 1946, iaitu daripada keluaran 13 Januari 1946 hinggalah Jun 1946. Ini kerana di Arkib Negara, keluaran akhbar *Warta Negara* pada tahun 1946 hanyalah meliputi daripada 13 Januari sehingga 29 Jun 1946, akhbar *Warta Negara* yang diterbitkan pada tahun 1945 serta tahun 1948 dan 1949 tidak ada di dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. Begitu juga dengan simpanan mikrofilem yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya. Manakala di tempat-tempat lain seperti Perpustakaan Negara Malaysia serta Dewan Bahasa Dan Pustaka, akhbar *Warta Negara* ini sudah tidak disimpan lagi sama ada dalam bentuk asal ataupun salinan mikrofilem.

Objektif Kajian

Kajian ini dibuat kerana pada masa sekarang ini tidak banyak kajian tentang akhbar-akhbar lama khususnya akhbar *Warta Negara* dilakukan. Walaupun ada juga beberapa kajian yang dibuat terhadap *Warta Negara* seperti tulisan Prof. Dr. Ramlah Adam yang bertajuk “*Warta Negara: Its Role As An*

Agent Of Communication In The Malay Society 1946-1948 yang telah dibentangkan di Melbourne Australia ketika Conference Of Asian Studies Association Of Australia yang berlangsung pada 8 hingga 11 Jun 1996 dan tulisan Ahmad Bin Masjidi yang bertajuk "*Malayan Union Dalam Ruangannya*" di *Akhbar Warta Negara* yang telah disiarkan dalam *Journal Persatuan Sejarah Malaysia* keluaran April 1979. Tetapi sayangnya kedua-dua penulisan ini adalah terlalu pendek dan isu- isu yang penting tidak di kupas dengan mendalam seperti sebab-sebab orang Melayu membantah Malayan Union sehingga tertubuhnya UMNO.

Selain itu juga kajian ini dibuat adalah untuk melihat atau mengkaji politik Melayu daripada persepektif akhbar dan penulis telah memilih *Warta Negara* sebagai kajian. Ini kerana sehingga sekarang tidak banyak kajian dibuat berdasarkan analisis akhbar sebagai rujukan utama yang digunakan dalam mengkaji berkenaan politik orang Melayu.

Jadi dengan adanya kajian ini diharapkan rakyat Malaysia khususnya generasi muda akan mengetahui serba sedikit tentang peranan yang dimainkan oleh akhbar berbahasa Melayu khususnya *Warta Negara* yang menyiarkan tentang politik orang Melayu. Iaitu bagaimanakah pandangan *Warta Negara* terhadap politik orang Melayu pada masa itu? Di sini kita akan dapat melihat reaksi orang Melayu terhadap pengenalan Malayan Union. Dalam kajian ini, kita akan dapati semangat atau pun perjuangan politik orang Melayu semakin rancak dalam tahun 1946 selepas Rancangan Malayan Union diumumkan.

Lagipun jika tidak dibuat kajian mengenai akhbar ini dikhuatiri satu hari nanti generasi yang akan datang langsung tidak mengetahui kewujudan akhbar ini. Malahan kebanyakan generasi muda sekarang ini sudah tidak pandai lagi dalam membaca tulisan Jawi, apatah lagi tulisan Jawi lama seperti yang terkandung dalam akhbar ini.

Selain itu juga jika kajian mengenai *Warta Negara* tidak dibuat kemungkinan besar pada satu hari nanti surat khabar ini akan pupus ditelan zaman seperti apa yang berlaku kepada beberapa buah akhbar yang wujud di akhir kurun ke sembilan belas dan di awal kurun kedua puluh. Ini kerana di Arkib Negara sahaja akhbar *Warta Negara* keluaran Januari hingga Jun 1946 masih lagi dalam bentuk asal dan tidak dimikrofilemkan. Keadaan akhbar ini sangat uzur. Ada beberapa helai akhbar ini telah terkoyak kerana dimamah usia. Manakala di Perpustakaan Universiti Malaya hanya mengandungi salinan mikrofilem sahaja. Tetapi sayangnya ada beberapa helai salinan akhbar ini tidak dapat dibaca kerana rosak.

Manakala Perpustakaan Negara Malaysia pula banyak akhbar-akhbar lama telah dimusnahkan dan tidak dimikrofilemkan. Hanya ada beberapa akhbar seperti *Warta Malaya* dimikrofilemkan. Ini kerana masalah ketidak cukupan ruang untuk menyimpan akhbar lama ini dan keadaan akhbar yang uzur telah menyebabkan akhbar-akhbar tersebut terpaksa dimusnahkan. Stor menyimpan akhbar milik Perpustakaan Negara Malaysia pula yang terletak di Sungai Besi

tidak dapat menampung bilangan akhbar yang sentiasa sahaja bertambah.¹ Lebih malang lagi di Dewan Bahasa Dan Pustaka sudah tidak disimpan lagi akhbar ini ataupun salinannya.²

Metodologi Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, penulis telah menggunakan dua kaedah kajian iaitu penyelidikan perpustakaan dan temuramah. Tetapi didalam kajian ini penulis lebih banyak menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan berbanding dengan kaedah temuramah. Ini kerana pada pendapat penulis kaedah penyelidikan perpustakaan adalah lebih sesuai digunakan untuk menghasilkan penulisan ini. Kaedah penyelidikan perpustakaan ini lebih banyak di lakukan di Arkib Negara dan pepustakaan di Institut Pengajian Tinggi seperti Perpustakaan Universiti Malaya Dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka serta di Perpustakaan Negara. Kaedah penyelidikan perpustakaan ini dilakukaan adalah bertujuan untuk mengumpul data-data dan maklumat yang di perlukan dan kemudiannya penulis menganalisis bahan-bahan tersebut untuk menghasilkan disertasi ini. Melalui kajian perpustakaan penulis mengumpul data-data yang di perolehi mengenai tajuk ini dan seterusnya membuat analisis berkenaan data yang telah di perolehi untuk menghasilkan disertasi ini .Selain itu penulis juga turut menggunakan sumber pertama dan kedua bagi menghasilkan disertasi ini. Antara

¹ Temuramah dengan Encik Ahad Bin Burhanuddin, Pembantu Tadbir di Perpustakaan Negara Malaysia , pada 5 .11.2001 jam 10.00 pagi di Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

² Iskandar Ahmad dalam bukunya yang bertajuk *Persuratkahabaran Melayu (1876-1968)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1973, hlm., 53, telah menyatakan bahawa terdapat salinan akhbar ini di Dewan Bahasa Dan Pustaka.

sumber pertama yang banyak di gunakan untuk menghasilkan kajian in adalah terdiri daripada akbar-akbar dan rekod-rekod rasmi serta laporan-laporan. Manakala sumber ke dua pula adalah terdiri daripada buku-buku yang berkaitan dengan tajuk yang di kaji.

Kajian Semula

Walaupun kajian ini bukanlah kajian yang pertama dilakukan berkenaan *Warta Negara* dibuat. Kerana sebelum ini memang telah ada kajian telah di buat oleh penulis lain mengenai akhbar ini seperti tulisan Prof. Ramlah Adam yang bertajuk "*Warta Negara: Its Role As An Agent Of Communication In The Malay Society 1946-1948*" yang telah dibentangkan di Melbourne Australia pada Conference Of Asian Studies Association Of Australia. Dalam pembentangan kertas kerjanya, Dr. Ramlah hanya membentangkan tulisan-tulisan yang disiarkan oleh *Warta Negara* mengenai isu Malayan Union dan menganggap *Warta Negara* sebagai juru cakap kepada orang Melayu. Pembentangan ini terlalu ringkas, lebih tertumpu kepada isu-isu Malayan Union sahaja.

Begitu juga hasil tulisan Ahmad Masjidi yang bertajuk "*Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara*" yang telah disiarkan dalam Journal Persatuan Sejarah Malaysia keluaran April 1979 telah membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan Malayan Union yang dipaparkan dalam *Warta Negara*. Kedua-dua hasil tulisan ini hanya menumpukan perhatian mereka terhadap isu Malayan Union sahaja tanpa melihat penyatuan yang wujud di kalangan orang

Melayu akibat pengenalan rancangan Malayan Union sehinggalah UMNO ditubuhkan.

Hasil tulisan Iskandar Ahmad yang bertajuk *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, hanya mengemukakan dengan serba ringkas mengenai *Warta Negara* iaitu tempat diterbitkan, penerbit, nama pengarang dan ukuran akhbar *Warta Negara* sahaja. Kajian tentang isi kandungan akhbar langsung tidak dibuat. Ini kerana dalam hasil tulisan tersebut, saudara Iskandar hanya memfokuskan kajiannya berkenaan tajuk-tajuk akhbar dan majalah yang diterbitkan daripada tahun 1876 sehingga 1968, meliputi 434 nama akhbar atau majalah yang semua isi kandungannya ditulis dalam bahasa Melayu, manakala 43 lagi akhbar atau majalah yang ditulis dalam pelbagai bahasa.³

Selain itu dalam buku yang bertajuk *Akhbar Dan Kuasa, Perkembangan Sistem Akhbar Di Malaysia Sejak 1806*, karya Saudara Mohd Safar Hasim, diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya hanya memetik tulisan yang telah disiarkan dalam *Warta Negara* berkenaan isu Malayan Union. Petikan itu pun hanyalah mengandungi empat baris ayat sahaja di bawah sub tajuk *Akhbar Gembleng Penentang Malayan Union*.⁴

Oleh kerana tidak banyak pengkaji yang mengkaji *Warta Negara* maka penulis telah mengkaji akhbar ini sebagai menambah koleksi kajian mengenai akhbar *Warta Negara* dan politik orang Melayu pada tahun 1946.

Muhammad Yunus Hamidi dalam bukunya *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung* pula lebih tertumpu penulisannya terhadap Kongres

³ Iskandar Ahmad, *ibid.*, hlm. x.

⁴ Mohd Safar Hasim, *Akhbar Dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar Di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm., 213.

Melayu Semalaya yang telah diadakan dari 1 hingga 4 Mac 1946. Tetapi ini adalah bukan di buat berdasarkan perspektif akhbar. Manakala penulsi-penulis barat seperti J.V Allen, A.J Stockwell dan Albert Lau adalah antara penulis barat yang telah menulis berkenaan Malayan Union . Hasil kajian yang di buat oleh sarjana ini telah dijadikan rujukan pengkaji-pengkaji selepas mereka apabila mahu mengkaji khasnya berkenaan isu Malayan Union. Tetapi fokus kajian kedua sarjana-sarjana ini bukanlah daripada perspektif pihak akhbar.

Pembahagian Bab

Dalam kajian ini penulis akan membahagikan tajuk ini kepada lima bab. Iaitu di dalam bab pertama penulis akan menerangkan serba sedikit berkenaan sejarah perkembangan akhbar di Tanah Melayu sebelum *Warta Negara* diterbitkan. Selain daripada itu juga, penulis turut menulis berkenaan akhbar *Warta Negara* dan hubungannya dengan akhbar sezaman seperti *Utusan Melayu* dan *Majlis* serta ruangan-ruangan yang terdapat dalam akhbar tersebut. Ini bertujuan untuk memberikan penerangan serba sedikit mengenai sejarah persuratkhabaran yang menjadi alat komunikasi di Tanah Melayu pada masa tersebut.

Dalam bab kedua pula penulis akan mendedahkan berkenaan Malayan Union dan pandangan *Warta Negara* terhadap pembabitan orang Melayu dalam usaha menentang rancangan Malayan Union yang diumumkan oleh Pejabat Tanah Jajahan. Fokus utama kajian dalam bab ini adalah pembabitan orang Melayu yang semakin rancak dalam politik. Kajian penulis dalam bab ini adalah meliputi

rancangan Malaya Union serta syarat-syarat yang terkandung dalam Malayan Union. Cara Mac Michael mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu. Bab kedua ini boleh dianggap penting kerana dalam bab inilah orang Melayu mula menunjukkan reaksi bantahannya terhadap rancangan Malayan Union daripada tidak puas hati terhadap syarat-syarat yang terkandung dalam rancangan Malayan Union dan cara Mac Michael mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu. Di dalam bab ini juga dipaparkan bahawa telah wujud penyatuan orang Melayu daripada pelbagai peringkat dalam usaha menentang rancangan Malayan Union. *Warta Negara* telah memberikan sokongan pada terhadap tindakan orang Melayu dalam usaha menentang rancangan Malayan Union yang akan di laksanakan di Tanah Melayu ada 1 April 1946.

Dalam bab ketiga pula, penulis telah memfokuskan kajian terhadap Kongres Melayu Semalaya 1946 yang telah di cadangkan penubuhannya oleh Dato' Onn bin Jaafar. Cadangan untuk menganjurkan Kongres tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk-penduduk Tanah Melayu dan pelbagai pertubuhan yang pada pada masa tersebut. Persidangan Kongres tersebut telah berjalan sebanyak tiga kali. Kongres tersebut di anggap penting dalam usaha untuk menyatukan politik orang Melayu daripada pelbagai lapisan masyarakat dan dinyatakan tujuan penubuhan kongres. Selain itu juga *Warta Negara* telah melihat bahawa penubuhan Kongres Melayu Semalaya adalah sebagai usaha untuk menyatukan orang Melayu yang terdiri daripada pelbagai kesatuan dan fahaman kenegerian yang masih menebal. Kongres Melayu Semalaya yang berlangsung sebanyak tiga kali telah berjaya menyatukan

pelbagai persatuan dan pertubuhan yang wujud di Tanah Melayu sehingga tertubuhnya UMNO.

Bab keempat pula adalah terdiri daripada pandangan *Warta Negara* terhadap UMNO yang telah dilihat sebagai badan perjuangan politik Melayu yang telah berjaya menyatukan orang Melayu daripada pelbagai kesatuan yang wujud di Tanah Melayu. Penulis telah memulakan bab ini dengan menghuraikan latar belakang dan tujuan penubuhan UMNO yang telah dianggap satu badan politik orang Melayu yang telah berjaya menyatukan orang Melayu daripada segenap lapisan Masyarakat. Dalam bab ini juga penulis melihat pembabitkan kaum ibu semakin rancak membabitkan diri dalam politik. Selain itu juga *Warta Negara* telah melihat kaum wanita semakin aktif berpolitik dan sering terlibat dalam rapat-rapat umum yang di anjurkan sebagai bantahan terhadap rancangan Malayan Union. Dato' Onn memainkan peranan yang penting dalam usaha UMNO menentang Malayan Union. Selain itu juga *Warta Negara* telah melihat UMNO telah di jadikan landasan dalam memperjuangkan politik orang Melayu .

Bab kelima penulis akan membuat kesimpulan dan rumusan terhadap segala perbincangan mengenai perspektif *Warta Negara* terhadap politik Melayu 1946.